

15/07/2004

Azizan contoh kakitangan awam unggul, luar biasa

KETIKA menziarahi jenazah Ketua Eksekutif Malaysia International Shipping Corporation Bhd (MISC), Datuk Mohd Ali Yasin, yang meninggal dunia secara mengejut pada 19 April lalu, Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin berkata beliau kalau boleh mahu 'mati mudah' seperti Allahyarham Mohd Ali.

Azizan dikatakan berkata demikian di depan balu Mohd Ali, Datin Laila Alias, dan beberapa pegawai kanan Petronas, selepas menatap wajah jenazah Allahyarham Mohd Ali, 60, yang beberapa jam sebelum meninggal dunia, masih melakukan rutin biasanya.

Hasrat Azizan, 69, itu termakbul apabila beliau menghembuskan nafas terakhir tidak lama selepas mengadu sesak nafas di kediamannya di Putrajaya, kira-kira jam 4.15 pagi semalam.

Allahyarham Azizan, Pengerusi Penerbangan Malaysia (MAS), KLCC Berhad dan Universiti Teknologi Petronas (UTP) serta Presiden Perbadanan Putrajaya, adalah tokoh yang dihormati kerana sifat rendah dirinya walaupun memegang beberapa jawatan utama dalam sektor awam dan swasta.

Kewibawaan Allahyarham yang berkhidmat selama 28 tahun dalam pelbagai jawatan di sektor awam, termasuk sebagai Ketua Setiausaha Sulit kepada tiga Perdana Menteri, menjadikan beliau calon paling sesuai untuk menerajui syarikat berkaitan kerajaan.

Kejujuran dan kegigihan Allahyarham yang tidak pernah mengenal penat dalam melaksanakan amanah yang diberikan kepadanya, menyebabkan beliau turut dilantik menganggotai Suruhanjaya Khas Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia pada 4 Februari.

Malah, beberapa jam sebelum beliau meninggal dunia pagi semalam, Allahyarham seperti biasa mempunyai jadual yang sibuk dengan menghadiri beberapa mesyuarat, termasuk berjumpa dengan Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop di pejabatnya di Putrajaya petang kelmarin untuk membincangkan beberapa perkara berhubung Perbadanan Putrajaya.

Pembantu peribadinya, Tengku Taufik Tengku Aziz yang dihubungi Bernama berkata, selepas bertemu Nor Mohamed, Azizan mengadakan mesyuarat dengan beberapa peguam mengenai Yayasan Kepimpinan Perdana, yayasan yang memelihara kepentingan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Kemudian beliau meneliti jadualnya untuk sepanjang minggu ini dan bagi minggu depan dengan saya sebelum pulang ke rumah kira-kira jam 5.45 petang," kata Tengku Taufik.

Tengku Taufik yang menjadi pembantu Azizan selama dua tahun berkata: "Segalanya nampak biasa saja dengan beliau dan kami semua begitu terkejut mendengar berita kematiannya."

Azizan mengadu sukar bernafas dan sakit dada pada kira-kira jam 4.15 pagi dan meninggal dunia tidak lama kemudian di rumahnya di Putrajaya.

"Beliau nampak sihat seperti biasa. Semasa kami mendengar berita itu, ada yang tidak percaya," kata Tengku Taufik.

Ditanya sama ada Azizan ada memberitahunya yang beliau menghidap apa-apa penyakit, Tengku Taufik berkata: "Tidak yang saya ketahui kecuali sakit biasa yang selalu dialami golongan peringkat umur seperti beliau."

"Bagi saya beliau sukar diganti," katanya.

Nor Mohamed pula memberitahu Bernama, Azizan datang ke pejabatnya pada jam 4.15 petang semalam dan mereka berbincang selama 20 minit.

"Sumbangan beliau terhadap negara begitu hebat sekali dan pemergiannya adalah satu kehilangan besar," katanya.

Nor Mohamed berkata, Azizan juga memainkan peranan penting dalam memulihkan kedudukan MAS baru-baru ini selepas berada dalam kerugian sejak bertahun lamanya.

"Orang seperti Azizan tidak dilahirkan setiap hari," katanya.

"Ciri utama keperibadian Azizan adalah sifatnya yang jujur dan berwibawa. Beliau adalah satu contoh kakitangan awam yang terunggul," kata Nor Mohamed.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Shaid Mohamed Taufek, ketika dihubungi Bernama berkata, Azizan menghadiri satu mesyuarat pagi semalam di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Kuala Lumpur sebagai anggota Jawatankuasa Penyelarasan Pengurusan mengenai Wilayah Persekutuan yang baru dibentuk.

Ia adalah mesyuarat pertama panel itu dan dipengerusikan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad.

"Tan Sri Azizan banyak bercakap pada mesyuarat itu. Beliau memberitahu kami mengenai wawasannya menjadikan Putrajaya sebagai sebuah bandar raya yang cantik, yang tidak akan dirosakkan oleh pembangunan yang keterlaluan seperti Kuala Lumpur," kata Mohamad Shaid.

"Beliau malahan meminta maaf kepada saya kerana berkata demikian. KL begitu indah pada satu ketika dulu tetapi kini ia terlalu berselerak," katanya.

Beliau memetik Azizan sebagai berkata, terlalu banyak usaha dan wang telah dibelanjakan terhadap pembangunan Kuala Lumpur dan jika ia tidak dijaga dengan baik, keindahannya akan semakin hilang.

"Beliau memberitahu kami banyak perkara lain dalam mesyuarat itu. Saya merasakan saya telah kehilangan seorang kakitangan awam yang mempunyai kualiti luar biasa, berwibawa dan jujur.

"Tan Sri Azizan tidak suka menonjolkan diri tetapi menghasilkan sumbangan yang besar," katanya.

Dilahirkan di Pulau Pinang pada 28 Mei 1935, Allahyarham mendapat pendidikan awal di Sekolah Francis Light dan Sekolah Penang Free sebelum melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya Singapura pada 1959.

Beliau kemudian meneruskan pengajian di Universiti Oxford pada 1965, Royal College of Defence Studies, United Kingdom (1973) dan Harvard Business School, Amerika Syarikat (1983). Pada 1993, beliau dianugerahkan Ijazah Kedoktoran Kehormat Ekonomi oleh Universiti Sains Malaysia.

Azizan memulakan kerjaya cemerlang dalam sektor awam sebagai Pembantu Setiausaha Kementerian Pelajaran pada 1 Mei 1960 sebelum dilantik sebagai Pembantu Setiausaha (Kajian) Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada 16 Februari 1965.

Pada 1 April 1967, beliau dilantik sebagai Ketua Pembantu Setiausaha (Keselamatan dan Perisikan) Kementerian Dalam Negeri sebelum menjadi Setiausaha Bahagian Pejabat Pengarah Keselamatan.

Beliau kemudian berkhidmat sebagai Setiausaha Majlis Keselamatan Negara dan Ketua Setiausaha Sulit Perdana Menteri pada masa itu, Tun Abdul Razak Hussein, dari 1971 hingga 1975.

Selepas itu, beliau berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri sehingga dilantik sebagai Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri pada masa itu, Tun Hussein Onn, dari 1976 hingga 1981.

Selepas Tun Dr Mahathir Mohamad mengambil alih pemerintahan negara pada 1981, Azizan sekali lagi diberi kepercayaan menjadi Ketua Setiausaha Sulit Perdana Menteri.

Pada 1984, Allahyarham dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Industri sebelum berpindah dengan jawatan sama di Kementerian Dalam Negeri dari 1985 hingga 1988.

Sebelum dilantik sebagai Pengerusi Petronas, Azizan adalah Presiden dan

Ketua Eksekutif Petronas selepas menggantikan Tan Sri Abdullah Mohamed Salleh mulai Februari 1988.

Seperti ketika dalam perkhidmatan awam, Azizan sentiasa mengambil berat organisasi yang beliau terajui sehingga berjaya menjadikan Petronas sebagai syarikat minyak dan gas yang terkenal serta antara paling menguntungkan di dunia.

Pada 30 Mac lalu, beliau dengan bangga mengumumkan keputusan kewangan terbaik Petronas dalam sejarah 30 tahun penubuhan syarikat petroleum negara itu.

Beliau juga bertanggungjawab merealisasikan Menara Berkembar Petronas yang menjadi mercu tanda dunia kebanggaan rakyat Malaysia serta pembangunan Putrajaya yang menjadi pusat pentadbiran kerajaan yang dicemburui banyak negara.

Kejayaan itu menyebabkan Azizan diberikan pula tugas untuk memulihkan MAS apabila dilantik sebagai pengerusi syarikat penerbangan yang nazak itu sejak dua tahun lalu.

Sumbangan besar Allahyarham kepada negara mendapat penghargaan sejak awal lagi apabila beliau menerima pingat Ahli Mangku Negara (AMN) pada 1965 dan disusuli Kesatria Mangku Negara (KMN) pada 1968.

Pada 1978, Azizan dianugerahkan pingat Johan Mangku Negara (JMN) dan Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) yang membawa gelaran Datuk. Allahyarham kemudian bergelar Tan Sri selepas dianugerah pingat Panglima Setia Mahkota (PSM) pada 1987.

Ini diikuti Darjah Gemilang Seri Melaka (DGSM) dan Darjah Panglima Negeri Bintang Sarawak (DPNBS) pada 1991 dan Darjah Gemilang Pangkuan Negeri (DGPN) pada 2001.

Allahyarham turut menerima anugerah antarabangsa, termasuk Order of the Commander of the Legion of Honour daripada Kerajaan Perancis pada Oktober 2003.

Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas rohnya.

(END)